

Lakuan Bahasa Dalam Audio Siar Keluar Sekejap: Satu Kajian Pragmatik

Shahrul Syawal Mohamad Shuhmy, Mohamad Nik Mat Pelet, Rozaimah Rashidin

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

*Corresponding author email: nikmat@uitm.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 08th January 2026

Revised: 12nd March 2026

Accepted: 19th March 2026

Published: 13rd April 2026

KEYWORDS

Lakuan bahasa

Audio siar

Teori Bach dan Harnish

Ujaran

Pragmatik

ABSTRAK - Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan lakuan bahasa dalam rancangan audio siar Keluar Sekejap. Sesuatu ujaran tidak hanya bergantung terhadap makna literal semata-mata, namun melibatkan proses inferens yang kompleks antara penutur dan pendengar, berasaskan konteks sosial, pengetahuan bersama, serta petunjuk pragmatik yang tersirat. Kajian kualitatif berbentuk deskriptif ini memilih data dalam satu episod audio siar Keluar Sekejap yang melepasi satu juta tontonan berdurasi enam jam dijadikan sandaran data untuk dibincangkan bagi memastikan cerminan lakuan bahasa berkaitan dengan isu yang dibincangkan. Dalam episod 34 yang menjemput Menteri besar Kedah iaitu Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Md Nor dan moderator bersama iaitu Khairy Jamaluddin serta Shahril Hamdan dalam membincangkan tentang wacana politik yang relevan dan bernilai tinggi untuk perbincangan umum. Analisis dilakukan bagi menghuraikan lakuan bahasa yang digunakan dalam rancangan audio siar, Keluar Sekejap berdasarkan Teori Bach dan Harnish (1969), iaitu asertif, direktif, komisif dan deklaratif atau pengakuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lakuan bahasa direktif dan asertif merupakan bentuk lakuan bahasa yang paling dominan yang berperanan penting dalam membentuk hujah, menjelaskan pendirian, memperincikan isu serta memperkukuh hubungan interaksi antara moderator dan tetamu jemputan. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada perluasan pemahaman terhadap nilai pragmatik dalam komunikasi digital melalui lakuan bahasa dalam membentuk makna, pengetahuan, serta persepsi masyarakat dalam sesebuah wacana.

ABSTRACT - This study aims to identify and analyse the use of speech acts in the podcast *Keluar Sekejap*. An utterance does not rely solely on its literal meaning; rather, it involves a complex process of inference between the speaker and the listener, grounded in social context, shared knowledge, and implicit pragmatic cues. This study employs a qualitative descriptive approach. The data were obtained from one episode of the *Keluar Sekejap* podcast, which recorded over one million views and has a duration of six hours. This episode was selected as the data source to ensure a representation of speech acts relevant to the issues discussed. Specifically, Episode 34, featuring the Menteri Besar of Kedah, Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Md Nor, along with two moderators, Khairy Jamaluddin and Shahril Hamdan, was chosen due to its politically relevant and intellectually engaging discourse for public discussion. The analysis was conducted to describe the types of speech acts used in the *Keluar Sekejap* podcast based on Bach and Harnish's (1969) theory, namely assertives, directives, commissives, and declaratives. The findings indicate that directive and assertive speech acts are the most dominant forms, playing a crucial role in constructing arguments, clarifying positions, elaborating issues, and strengthening the interaction between moderators and the invited guest.

Overall, this study contributes to the expansion of understanding of pragmatic values in digital communication, particularly through the analysis of speech acts in shaping meaning, knowledge, and public perception within a discourse.

PENGENALAN

Wacana memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu sama ada secara formal atau sebaliknya lebih-lebih lagi, dalam meyakinkan pendengar untuk setuju, akur, percaya dan seterusnya membina persepsi daripada maklumat yang disampaikan. Tanpa wacana yang kukuh, ia akan menyebabkan kecikiran maklumat, ketirisan bukti atau data yang menyokong sesuatu wacana dan seterusnya kredibiliti seseorang penutur (Norlina Atan & Rozita Che Rodi, 2025). Oleh itu, wacana memainkan peranan sangat penting untuk kita menyampaikan sesuatu maklumat kepada individu atau pendengar. Dalam erti lain wacana yang diujarkan mesti dizahirkan dengan pemilihan leksikal yang jelas, teratur dan bermakna supaya tidak disalah tafsir dengan pelbagai naratif pragmatik.

Justeru, untuk menzahirkan sebuah wacana yang berlestari, lakuan bahasa merupakan salah satu elemen yang berkait secara langsung dan penting. Lakuan bahasa ditafsirkan sebagai sebuah tindakan yang dilakukan oleh seorang penutur melalui ujaran atau pertuturan yang bukan sekadar penyampaian maklumat semata-mata. Dalam bidang pragmatik pula, konsep lakuan bahasa menjelaskan bahawa seseorang individu yang bertutur, pada hakikatnya sedang melakukan sesuatu tindakan seperti memerintah, berjanji, meminta, menasihati atau memohon sesuatu daripada pendengar atau orang diajak bertutur. Teori lakuan bahasa yang diperkenalkan oleh J. L. Austin (1962) dan dikembangkan oleh John Searle (1969) menegaskan bahawa makna ujaran tidak hanya bergantung pada struktur bahasa, tetapi juga pada niat penutur dan konteks penggunaannya. Setiap pertuturan adalah lakuan yang aktif kerana ia melibatkan intensi untuk melakukan sesuatu melalui bahasa. Lakuan ini meliputi pelbagai bentuk seperti menyatakan sesuatu (assertives), memberi arahan (directives), membuat janji (commissives), menyatakan perasaan (expressives), serta menghasilkan kesan institusional seperti mengisytiharkan atau melantik (declaratives) (Bach & Harnish, 1979).

Secara umumnya, lakuan bahasa boleh dibahagikan kepada tiga jenis utama, iaitu lakuan lokusi, ilokusi dan perlokusi. Lakuan lokusi merujuk kepada ujaran secara literal atau makna zahir sesuatu ayat. Manakala lakuan ilokusi pula berkaitan dengan tujuan atau fungsi sebenar penutur ketika mengujarkan sesuatu wacana, contohnya memberi perintah atau arahan dan membuat janji. Lakuan perlokusi pula merujuk kepada kesan atau tindak balas yang terhasil pada pendengar, seperti meyakinkan, menakutkan atau mendorong seseorang melakukan sesuatu tindakan. Dalam konteks komunikasi seharian dan kajian linguistik, pemahaman terhadap lakuan bahasa amat penting dalam membantu untuk membuat tafsiran makna sebenar ujaran secara lebih tepat (Aminudin Saimon et al., 2021). Kegagalan memahami lakuan ilokusi boleh menyebabkan salah faham, terutamanya dalam situasi formal, interaksi antara budaya, atau wacana akademik. Oleh itu, kajian lakuan bahasa bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman bahasa sebagai sistem, tetapi juga bahasa sebagai alat tindakan sosial dalam kehidupan manusia.

Lakuan bahasa boleh dizahirkan melalui pelbagai platform termasuklah audio siar. Setiap ujaran yang terkandung dalam mana-mana episod audio siar berkaitan sesuatu isu sentiasa mendapat perhatian terutama daripada peminat-peminat rancangan audio siar seperti *Keluar Sekejap*. Di Malaysia, penggunaan audio siar masih berada pada tahap awal dan belum tersebar secara meluas dalam kalangan masyarakat umum. Kebanyakan pendengar dan penggiat audio siar terdiri daripada kelompok tertentu sahaja, terutamanya golongan muda, profesional, dan kelompok yang celik teknologi. Platform audio siar di Malaysia sering digunakan untuk membincangkan pelbagai topik seperti isu semasa, politik, pendidikan, gaya hidup, dan hiburan. Selain menjadi medium untuk meluahkan pendapat dan analisis mengenai isu-isu terkini, terdapat juga audio siar yang menjadikan sesi temu bual bersama selebriti, ahli akademik, atau tokoh masyarakat sebagai kandungan utama. Pendekatan ini bukan sahaja memberi ruang kepada suara alternatif dalam media, malah turut memperkayakan landskap penyampaian maklumat dan hiburan digital di Malaysia. Justeru, kajian ini dilakukan bagi membuktikan kepelbagaian penggunaan lakuan bahasa yang terdapat dalam rancangan seperti audio siar.

Pernyataan Masalah

Sub Dalam era digital yang semakin berkembang, audio siar menjadi salah satu medium komunikasi yang popular dalam menyampaikan maklumat, pandangan dan hiburan kepada masyarakat. Namun begitu, isu lakuan bahasa dalam audio siar semakin ketara apabila terdapat pengendali atau tetamu

yang menggunakan bahasa kurang santun, berunsur sensitif atau tidak berlandaskan fakta. Penggunaan bahasa yang tidak terkawal ini boleh menimbulkan salah faham, menyinggung perasaan pendengar serta mencetuskan konflik sosial, terutamanya dalam masyarakat majmuk yang mementingkan keharmonian dan nilai kesopanan. Keberkesanan makna melalui penyampaian memainkan peranan penting untuk memastikan sebuah maklumat diterima serta difahami dengan baik dan betul. Kajian oleh Maslinda Yusof dan Karim Harun (2015) menjelaskan bahawa kepelbagaian latar pendengar atau masyarakat menjadikan sesebuah lakuan bahasa tidak mampu difahami dengan baik dan akhirnya disalah tafsir lebih-lebih lagi melibatkan platform seperti audio siar yang hanya diakses melalui audio dan visual. Lantas, pemahaman pendengar sangat penting kerana maklumat yang disampaikan sudah pasti dicerna oleh pendengar dan akhirnya membantu mereka membina naratif berkaitan dengan maklumat yang diperolehi.

Antara lain, kajian-kajian terdahulu berkaitan audio siar tertumpu kepada maksim perbualan (Indriwati dan Muhamad Nasri, 2021), kajian berkaitan keberkesanan audio siar sebagai alat pengajaran (Arif Ahmed dan Shatha Ahmed, 2020), pelanggaran maksim dalam audio siar (Rinasa Inta, Januaris Mujiyanto dan Sri Wuli, 2021) dan ciri-ciri perbualan dalam audio siar (Ricka Putri, 2021). Lantas, berteraskan naratif tumpuan kajian perlu diperluaskan mendorong kajian ini dilakukan dengan mengembangkan kajian dengan meneliti jenis-jenis lakuan bahasa yang digunakan dalam sesebuah audio siar. Menurut Nurul Afifah, Maslida Yusof dan Karim Harun (2021), kajian berkaitan lakuan bahasa kebanyakannya memilih data seperti ucapan atau wacana dalam bentuk teks, kajian kes, percakapan berbanding dengan kandungan audio siar. Selain itu, ketiadaan garis panduan khusus dan kesedaran tentang kepentingan lakuan bahasa yang beretika menyebabkan sebahagian kandungan audio siar dihasilkan tanpa mengambil kira implikasi jangka panjang. Lakuan bahasa yang bersifat provokatif, stereotaip atau manipulatif bukan sahaja menjejaskan kualiti perbincangan, malah boleh mempengaruhi pemikiran pendengar secara negatif. Keadaan ini menimbulkan keperluan untuk mengkaji dan menangani masalah lakuan bahasa dalam audio siar agar medium ini dapat dimanfaatkan secara berhemah, bertanggungjawab dan selari dengan nilai moral serta sosial masyarakat.

Sorotan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh Aminuddin Saimon et al., (2021) menganalisis penggunaan lakuan bahasa dalam teks ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis empat teks ucapan rasmi yang merangkumi fasa pertama hingga keempat PKP, berdasarkan kerangka teori Bach dan Harnish (1979). Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada lakuan bahasa arahan (LBA) yang merangkumi bentuk permintaan, keperluan, pertanyaan, larangan, nasihat, dan permisif, untuk menilai keberkesanan penghujahan serta strategi komunikasi yang digunakan oleh Perdana Menteri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa LBA Keperluan direkodkan paling tinggi dengan 21 kali penggunaan, diikuti oleh LBA Nasihat (15 kali), LBA Permintaan (10 kali), LBA Larangan (7 kali), serta LBA Pertanyaan dan Permisif masing-masing sebanyak satu kali.

Manakala, kajian yang dijalankan oleh Normah Ahmad et al., (2022) pula meneliti penggunaan lakuan bahasa ketika membuat aduan dalam ruangan komen Facebook rasmi Air Selangor. Penyelidikan ini melibatkan analisis terhadap 74 aduan yang dipilih daripada sejumlah 200 komen dalam laman tersebut. Data dianalisis mendapati pembahagian aduan dibahagikan kepada empat komponen utama: Aduan, Ketidakpuasan hati, Penentuan pihak yang bertanggungjawab, dan Harapan agar aduan dapat diselesaikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengadu sering menggunakan strategi pengaduan dan ketidakpuasan hati atau gabungan kedua-duanya dalam komunikasi mereka. Namun begitu, kebanyakan aduan yang dikemukakan terhenti pada komponen ketidakpuasan hati (komponen B), tanpa beralih kepada tindakan selanjutnya seperti menentukan pihak yang bertanggungjawab atau menyatakan kehendak agar masalah diselesaikan. Penemuan ini memberikan gambaran penting tentang corak penggunaan bahasa dalam masyarakat Malaysia di media sosial, khususnya dalam konteks aduan kepada institusi perkhidmatan awam.

Selain itu, kajian oleh Wan Nur Azira dan Maslida Yusof (2021) pula mendapati penggunaan lakuan bahasa dalam meme serta meneliti penanda corak komunikasi yang digunakan ketika berkomunikasi secara atas talian melalui forum perbincangan dan media sosial. Meme, yang merupakan jenaka visual atau teks yang digunakan untuk menggambarkan situasi tertentu, didapati mempunyai ciri-ciri lakuan bahasa tersendiri yang signifikan dalam budaya komunikasi digital. Penyelidikan ini menggunakan teori lakuan bahasa Bach dan Harnish (1979) sebagai kerangka analisis, dengan mengelompokkan kandungan yang melibatkan 121 meme yang dimuat naik ke laman Facebook UTHM Troll dalam tempoh 30 bulan. Hasil kajian mendapati bahawa Lakuan Bahasa

Konstatif (LBK), Lakuan Bahasa Direktif (LBD), dan Lakuan Bahasa Gabungan (LBG) merupakan antara bentuk lakuan bahasa yang dominan dalam meme, yang sekaligus menjadi medium komunikasi utama dalam kalangan generasi Z di era digital.

Kajian berkaitan audio siar pula mengupas tentang kajian yang dijalankan oleh Hieronimus Canggung dan Skolastika Neldis (2023) menggunakan platform audio siar memberi tumpuan kepada temu bual dalam Audio Siar Najwa Shihab. Data daripada temu bual tersebut telah ditranskripsikan dan dikategorikan mengikut jenis lakuan bahasa illokusi, iaitu direktif, komisif, dan ekspresif bagi membolehkan pengkaji mengenal pasti kekerapan serta peratusan setiap kategori lakuan bahasa yang digunakan sepanjang temu bual berlangsung. Hasil analisis menunjukkan bahawa lakuan bahasa direktif mencatatkan kekerapan dan peratusan tertinggi, diikuti oleh lakuan komisif dan ekspresif. Dapatan kajian mendapati lakuan bahasa direktif memainkan peranan dominan dalam interaksi temu bual audio siar tersebut, sementara komisif dan ekspresif digunakan pada kadar yang lebih rendah. Penemuan ini memberi gambaran jelas tentang pola penggunaan lakuan bahasa dalam wacana audio siar, sekali gus memperluaskan pemahaman tentang strategi komunikasi yang diamalkan oleh penutur dalam medium digital.

Manakala, kajian oleh Dwi Shinta et al., (2023) menggunakan turut menggunakan platform audio siar YouTube sebagai data kajian bagi mengenal pasti penggunaan lakuan bahasa dalam audio siar Deddy Corbuzier. Objektif utama kajian tersebut adalah untuk menganalisis bentuk dan fungsi lakuan bahasa direktif yang terdapat dalam audio siar tersebut. Proses pengumpulan data melibatkan transkripsi setiap pertuturan dalam audio siar, diikuti dengan kaedah kumpul, semak, dan catat bagi mengenal pasti kategori lakuan bahasa direktif yang digunakan. Hasil analisis terhadap 36 data menunjukkan terdapat enam bentuk utama lakuan bahasa direktif, iaitu: 5 penggunaan direktif permintaan, 14 direktif pertanyaan, 1 direktif perintah, 1 direktif larangan, 8 direktif pemberian izin, dan 7 direktif nasihat. Selain itu, kajian turut mengenal pasti pelbagai fungsi lakuan bahasa direktif dalam audio siar tersebut, termasuk fungsi menyatakan, meminta, mengajak, menyelidiki, mengisytiharkan, membatasi dan sebagainya dalam menyampaikan sesebuah wacana melalui platform tersebut.

Kajian dijalankan dijalankan oleh Rinasa Intan Cita, Januarius Mujiyanto dan Sri Wuli Fitriati (2021) pula bertujuan untuk menerangkan pelanggaran Maksim Grice dalam Audio Siar Saluran Dive Studios, di samping meneliti perkaitan antara pengabaian maksim tersebut dengan dinamika komunikasi dalam audio siar. Menggunakan kaedah kualitatif, kajian ini membuktikan penerapan teori pelanggaran Maksim Grice (1989) dalam konteks interaksi audio siar tersebut. Data kajian dikategorikan mengikut jenis lakuan bahasa direktif, seperti nasihat, arahan, permintaan, soalan dan larangan. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa terdapat empat bentuk pelanggaran maksim yang digunakan oleh pengacara dan tetamu jemputan, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim hubungan, dan maksim cara.

Kajian oleh Indirawati dan Muhammad Nasri (2021) berkaitan maksim perbualan dan elemen pendidikan dalam podcast pula mendapati maksim perbualan dalam sesebuah podcast berperanan dalam membuat penegasan dan pengesahan maklumat namun, turut berlaku ketidakpatuhan pada maksim perbualan yang sewajarnya digunakan dalam medium seperti podcast atau audio siar. Justeru, maksim perbualan sangat penting untuk dikuasai seseorang supaya penyampaian dalam pelbagai medium seperti audio siar dapat dijadikan sebagai platform yang memberi impak positif terutama dalam menyampaikan maklumat. Dapatan ini relevan dengan kajian yang dilakukan kerana audio siar Keluar Sekejap menjadi medan kepada ahli politik memberi pandangan secara terbuka terhadap pelbagai isu terutama melibatkan senario politik di Malaysia. Dalam pada itu, kajian tersebut membuktikan bahawa lakuan bahasa wajar dikuasai sebagaimana maksim perbualan agar tidak berlaku penyisiran dalam perbualan sehingga menimbulkan pelbagai andaian dan pendapat yang kurang tepat dalam kalangan penonton atau pendengar daripada maklumat yang diperolehi.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif dengan menganalisis data episod 34 dalam audio siar Keluar Sekejap. Pada episod tersebut telah menjemput Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor iaitu Menteri Besar Kedah sebagai tetamu jemputan bagi membincangkan tentang senario politik di Malaysia. Data yang telah ditranskripsi dianalisis berdasarkan Teori Bach dan Harnish (1979) yang menjelaskan bahawa lakuan bahasa dipengaruhi oleh niat yang mana setiap sesuatu ujaran melibatkan perlakuan niat pengucapan dilakukan (Muhamad Zuhair, 2017). Teori Bach dan Harnish (1979) turut menjelaskan bahawa penentuan jenis lakuan dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu lakuan bahasa konstatif yang bertujuan untuk menyatakan atau

menguajar berkaitan fakta, manakala lakuan bahasa komisif pula ujaran yang terkait dengan komitmen atau perjanjian yang terarah kepada membuat tawaran, ancaman, atau bersumpah bagi menzahirkan komitmen. Lakuan bahasa direktif pula berkaitan dengan ujaran yang menjurus kepada arahan, suruhan atau meminta serta menasihati dan mendapatkan tindakan dan lakuan bahasa pengakuan melibatkan ujaran penutur mengakui, mengesahkan atau menyatakan sesuatu yang benar tentang perkara yang dibincangkan. Justeru, data yang dianalisis dibincangkan berdasarkan empat jenis lakuan bahasa sebagaimana yang dinyatakan dalam teori tersebut bagi membuktikan bahawa lakuan bahasa memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu tidak kiralah isu sensitif, kontroversi mahupun isu semasa. Gaya penyampaian memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat agar dapat difahami seterusnya diterima tanpa kecaciran maklumat yang sewajarnya. Dalam erti lain, makna ujaran sentiasa bergantung pada konteks sosial dan tafsiran pendengar khususnya peranan kepercayaan konteks bersama sebagai asas untuk menafsir makna tersurat dan tersirat dalam sesuatu interaksi.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan analisis, lakuan bahasa komisif adalah lakuan bahasa yang sangat terhad digunakan dalam episode 34 audio siar tersebut berbanding dengan lakuan bahasa konstatif dan direktif. Manakala lakuan bahasa pengakuan pula adalah kedua terhad digunakan. Perbincangan seterusnya akan memperincikan data-data yang telah ditranskripsi dan dianalisis berdasarkan Teori Bach dan Harnish (1979). Jadual 1 menunjukkan contoh ujaran data yang mengandungi lakuan bahasa konstatif, direktif, komisif dan pengakuan:

Jadual 1: Jenis Lakuan Bahasa

Bil.	Data Lakuan Bahasa	Ujaran
Lakuan Bahasa Konstatif		
1.	Sebab kita tak boleh nafikan MB telah tangkap imaginasi orang ramai, kalau kita tanya pemimpin pas macam haritu waktu majlis kalau tak silap saya waktu majlis raya di selangor. tetamu kehormat adalah MB, MB kedah, untuk PAS dan PN.	044
Lakuan Bahasa Direktif		
2.	saya nak balik pada soalan style ni, sebab saya da kenal MB lama, kita kerjasama waktu pandemik, waktu saya jaga vaksin, waktu saya jadi menteri kesihatan, saya pun ada hadir mesyuarat peringkat felda bersama dengan MB, saya tau MB dalam mesyuarat rasmi dan juga dalam in person la bila face to face, diplomatik, tetapi bila naik pentas ceramah tu kalut habis, so kita nak tau juga bila kita nampak pentas ceramah tu pasal apa da jadi lain?	065
Lakuan Bahasa Komisif		
3.	saya ingat ustaz ahmad yahya ni bila saya suruh baru dia ke depan, saya akan jadi follower, pasal saya tahu dia lebih baik daripada saya, sama dengan orang lain pon, ketua kita patut lebih baik daripada kita	220
Lakuan Bahasa Pengakuan		
4.	selamat kembali ke episod khas keluar sekejap bersama dengan Dato Seri Muhammad Sanusi Md Nor, Menteri Besar Kedah Darul Aman kita tadi dah mula bercakap tentang pentadbiran kedah dan saya telah memberi bayangan bahawa segmen ini kita akan sentuh tentang kenyataan kontroversi yang mungkin daripada pelbagai kontroversi ini yang paling berkontroversi daripada MB sanusi iaitu tuntutan kedah terhadap Pulau Pinang	343

Ujaran ke-044 berfungsi sebagai lakuan bahasa konstatif kerana penutur menyatakan dan menilai satu realiti sosial politik yang dianggap telah sedia wujud, iaitu pengaruh MB yang kuat dalam imaginasi orang ramai, disokong oleh rujukan pengalaman langsung dalam majlis rasmi melibatkan pemimpin PAS. Ujaran ini tidak mengandungi unsur arahan atau permintaan, tidak melibatkan janji atau komitmen masa hadapan, dan tidak menzahirkan ekspresi emosi interpersonal, sekali gus menepati ciri lakuan bahasa konstatif yang berfokus pada penegasan fakta dan pemerhatian kolektif. Dari sudut ilokusi,

fungsi utama ujaran ini ialah mengesahkan kewujudan pengaruh MB sebagai satu fenomena awam yang diterima bersama, serta membina autoriti penutur melalui dakwaan pengalaman dan pengetahuan konteks. Dari sudut pragmatik, lakuan bahasa ini berperanan menetapkan kerangka realiti wacana dan menyediakan asas legitimasi sebelum penilaian atau hujah kritikal dikemukakan, dengan bergantung pada kepercayaan konteks bersama bahawa pendengar memahami latar politik semasa serta kedudukan MB dan PAS. Strategi ini lazim dalam wacana politik lisan, kerana pemingkaan awal realiti berfungsi mendapatkan penerimaan pendengar dan mengurangkan rintangan terhadap hujah seterusnya. Kesan perlokusi yang munasabah ialah pendengar terdorong menerima pengaruh MB sebagai sesuatu yang tidak mudah disangkal dan menjadi lebih bersedia untuk mengikuti perkembangan hujah dalam urutan wacana yang seterusnya.

Ujaran ke-065 memperlihatkan urutan ilokusi yang tersusun daripada lakuan bahasa konstatif kepada lakuan bahasa direktif. Pada peringkat awal, penutur menyatakan pengalaman peribadi bekerja dengan MB dalam konteks rasmi seperti pengurusan pandemik, vaksinasi dan mesyuarat, sekali gus menegaskan pengetahuan dalaman tentang sikap MB yang diplomatik dan terkawal dalam ruang institusi. Lakuan bahasa konstatif ini berfungsi membina autoriti epistemik penutur serta mewujudkan asas kredibiliti sebelum penilaian lanjut dibuat. Seterusnya, penutur menambah satu lagi lakuan bahasa konstatif melalui pemerhatian perbandingan antara tingkah laku MB dalam mesyuarat rasmi dan di pentas ceramah, yang dilaporkan sebagai perubahan gaya dan nada. Pemerhatian ini menstrukturkan fenomena sosial yang ingin dibincangkan tanpa terus mencabar, sekali gus mengekalkan kesantunan wacana. Ujaran diakhiri dengan lakuan bahasa direktif tidak langsung apabila penutur menyatakan keinginan untuk mengetahui punca perubahan tersebut, yang dari segi fungsi merupakan permintaan penjelasan dan dorongan kepada responden untuk memberi justifikasi. Secara pragmatik, gabungan ini mengurangkan ancaman terhadap muka responden kerana kritikan tidak dikemukakan secara frontal, sebaliknya didahului oleh pengakuan pengalaman dan penilaian yang bersifat neutral. Melalui kepercayaan konteks bersama bahawa audiens memahami budaya ceramah politik dan dinamika personaliti MB, ujaran ini berfungsi sebagai cabaran berlapis yang mengalihkan perbincangan daripada naratif umum kepada persoalan strategi dan pembentukan imej politik. Pola ini selaras dengan dapatan kajian kontemporari yang menunjukkan bahawa dalam temu bual politik, soalan berbingkai fakta cenderung meningkatkan penerimaan audiens dan mendorong respons defensif yang lebih terperinci daripada pihak yang ditanya, sekali gus memperkayakan wacana awam.

Ujaran ke-220 memperlihatkan susunan ilokusi yang jelas bermula dengan lakuan bahasa direktif dan diikuti oleh lakuan bahasa komisif. Pada peringkat awal, penutur menggambarkan situasi di mana beliau mengarahkan individu lain untuk tampil ke hadapan, sekali gus menunjukkan penggunaan kuasa interaksi bagi mengawal giliran dan peranan sosial. Lakuan bahasa direktif ini berfungsi menetapkan struktur kepimpinan sementara dan menegaskan autoriti penutur dalam konteks tersebut. Seterusnya, penutur menyatakan kesediaannya untuk menjadi pengikut, yang merupakan lakuan bahasa komisif kerana ia melibatkan komitmen diri terhadap peranan masa hadapan serta kesanggupan menurunkan kedudukan kuasa secara sukarela. Peralihan daripada arahan kepada komitmen ini membentuk satu strategi wacana yang menonjolkan etos kerendahan diri dan prinsip kepimpinan berasaskan nilai moral, iaitu keyakinan bahawa seorang ketua seharusnya memiliki kelebihan tertentu berbanding pengikutnya. Dari sudut pragmatik, ujaran ini berfungsi membina imej kepimpinan yang beramanah dan tidak mementingkan dominasi, selari dengan kepercayaan konteks bersama pendengar yang memahami norma budaya tentang adab dan hierarki kepimpinan. Kesan perlokusi yang berpotensi ialah peningkatan kredibiliti moral penutur, pengurangan ketegangan wacana, serta peneguhan idea bahawa kepimpinan dilihat sebagai tanggungjawab kolektif dan bukannya alat kuasa peribadi.

Ujaran ke-343 berfungsi sebagai urutan lakuan bahasa yang bermula dengan lakuan bahasa pengakuan diikuti oleh lakuan bahasa konstatif, apabila penutur mengalu-alukan tetamu dan menandakan permulaan episod khas sebelum mengimbas perbincangan terdahulu dan mengumumkan peralihan kepada isu tuntutan Kedah terhadap Pulau Pinang sebagai fokus kontroversi utama. Lakuan bahasa pengakuan berperanan sebagai pembuka ritual yang mengesahkan hubungan sosial antara penutur, tetamu dan pendengar serta mewujudkan suasana interaksi yang stabil dan diterima bersama. Lakuan bahasa konstatif yang menyusul pula menetapkan realiti wacana dengan melaporkan keadaan perbincangan semasa dan meringkaskan isu sensitif sebagai agenda seterusnya, sekali gus mengawal arah dan jangkaan pendengar. Dari sudut pragmatik, urutan ini berfungsi mengurus peralihan topik secara berlapis daripada perbincangan neutral kepada isu berpotensi konflik tanpa menimbulkan kejutan mendadak, dengan memanfaatkan kepercayaan konteks bersama bahawa pendengar memahami sensitiviti hubungan Kedah dan Pulau Pinang. Kesan perlokusi yang munasabah ialah peningkatan tahap perhatian dan kesiapsiagaan emosi pendengar serta penyediaan

ruang justifikasi atau pembelaan daripada tetamu, menandakan perubahan mode perbincangan daripada santai kepada kritikal sambil mengekalkan kestabilan interaksi sosial.

Lakuan bahasa memainkan peranan penting dalam sesebuah komunikasi. Dalam menyampaikan sesuatu kepada pendengar, penutur perlu bijak memilih atau menentukan strategi agar penyampaian diterima dengan baik, difahami dan seterusnya tidak disalahtafsirkan. Lakuan bahasa dalam sesebuah audio siar amat penting kerana medium ini bergantung sepenuhnya kepada komunikasi lisan untuk menyampaikan mesej, idea dan nilai kepada pendengar. Pemilihan kata, nada suara, struktur ayat serta kesantunan berbahasa mencerminkan kredibiliti moderator dan tetamu lebih-lebih jika individu yang dijemput adalah satu figura besar seperti dalam kajian ini. Lakuan bahasa yang jelas, teratur dan beretika membantu pendengar memahami topik yang dibincangkan dengan lebih berkesan serta mengekalkan minat mereka. Selain itu, penggunaan bahasa yang sesuai dengan sasaran audiens juga membolehkan audio siar berfungsi sebagai medium pendidikan, hiburan atau perbincangan ilmiah yang berkesan.

Dari segi kesan pula, lakuan bahasa yang baik mampu membina persepsi positif terhadap kandungan audio siar dan individu yang terlibat. Bahasa yang berhemah dan inklusif dapat mewujudkan suasana perbincangan yang sihat serta menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan pendengar. Sebaliknya, penggunaan bahasa kasar, tidak berfakta atau berunsur provokasi boleh memberi kesan negatif seperti salah tafsir, penyebaran maklumat palsu dan penolakan daripada masyarakat. Akibatnya, audio siar tersebut mungkin menyebabkan kehilangan kepercayaan pendengar dan menjejaskan reputasi pengendalinya sehingga tidak lagi menjadi pilihan untuk didengar dan ditonton oleh audiens. Justeru, lakuan bahasa memainkan peranan sangat penting dalam sesebuah perbincangan seperti dalam audio siar kerana strategi lakuan bahasa yang pelbagai dengan pola yang konsisten mampu meyakinkan rakan yang diajak berbincang atau pendengar (Nurul Afifah, 2022).

Oleh itu, keperluan terhadap lakuan bahasa yang bertanggungjawab dalam audio siar tidak boleh dipandang remeh. Pengamal audio siar perlu peka terhadap sensitiviti budaya, agama dan sosial, di samping mematuhi norma kesantunan berbahasa terutama dalam maksim perbualan kerana ia mampu mempengaruhi pendapat dan andaian pendengar atau penonton. Lakuan bahasa yang terkawal bukan sahaja mengelakkan konflik dan implikasi undang-undang, malah memastikan audio siar kekal relevan dan beretika. Tambahan pula, audio siar semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia dan menjadi trend kebelakangan ini. Kesimpulannya, lakuan bahasa yang baik merupakan asas utama dalam menjamin keberkesanan, kredibiliti dan kelestarian sesebuah audio siar dalam landskap media masa kini.

KESIMPULAN

Kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa komunikasi bahasa tidak hanya melibatkan struktur linguistik semata-mata, tetapi juga niat penutur dan inferens pendengar. Kajian ini membuktikan bahawa sesuatu ujaran difahami melalui pengiktirafan niat komunikatif penutur, yang disokong oleh pengetahuan bersama, konteks, dan keupayaan pendengar membuat inferens rasional. Pengelasan lakuan bahasa seperti konstatif, direktif, komisif dan pengakuan memperlihatkan keterjalinan fungsi bahasa beroperasi secara sistematik dalam sesebuah interaksi, sekali gus menunjukkan bahawa makna ujaran tidak boleh ditafsir secara literal tanpa mengambil kira tujuan komunikatif di sebaliknya. Selain itu, sesuatu lakuan bahasa juga bergantung pada kesepadanan antara niat penutur dan tafsiran pendengar berlandaskan prinsip rasional dan andaian latar belakang yang dikongsi memainkan peranan penting dalam memastikan komunikasi berjalan dengan berkesan. Oleh itu, lakuan bahasa merupakan satu aspek penting dalam kajian pragmatik kerana bahasa bukan sekadar alat untuk menyampaikan maklumat, tetapi juga medium untuk melaksanakan tindakan sosial. Melalui ujaran, penutur dapat menyatakan pendapat, memberi arahan, membuat janji, meluahkan perasaan dan membina hubungan sosial. Kefahaman terhadap lakuan bahasa membantu pendengar mentafsir maksud sebenar sesuatu ujaran dengan lebih tepat, terutamanya apabila makna yang dimaksudkan tidak dinyatakan secara literal. Secara keseluruhan, kajian lakuan bahasa menekankan kepentingan konteks, niat penutur dan proses interpretasi pendengar dalam komunikasi. Lantas, pemahaman tentang lakuan bahasa bukan sahaja memperkaya analisis linguistik, malah turut menyumbang kepada komunikasi yang lebih berkesan dalam kehidupan seharian, pendidikan, dan bidang profesional.

ACKNOWLEDGEMENT

Kajian ini tidak ditaja oleh mana-mana pihak.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Shahrul Syawal Mohamad Shuhmy.: Metodologi dan Pengurusan Data. **Mohamad Nik Mat Pelet.:** Penulisan Draf Artikel dan Konseptual. **Rozaimah Rashidin.:** Sutingan dan Semakan.

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data tersedia atas permintaan kerana sekatan privasi/etika (Data untuk Ijazah Sarjana).

PENGISYTIHARAN AI GENERATIF

Penulisan artikel ini tidak menggunakan bantuan AI generatif.

PENYATA ETIKA

Tidak Berkenaan.

RUJUKAN

- Aminudin Saimon, Lisa Licson, Nur Aisyah Mohamad Taufek, Siti Hajar Japar & Siti Nor Asmira Razali. (2021). Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 63-78. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.5.202>
- Al-Ahdal, A. M., & Abdulaziz Alkhalaf, S. (2020). Podcasting in the Teaching of Speech Communication: Exploring New Vistas in a Saudi EFL Context. *Asian EFL Journal Research Articles*, 27(3), 110-130. https://www.researchgate.net/publication/343922180_Podcasting_in_the_Teaching_of_Speech_Communication_Exploring_New_Vistas_in_a_Saudi_EFL_Context
- Austin, J. L. (1955). *How To Do Things With Words*. Harvard University: Oxford At The Clarendon Press.
- Azira, W. N., & Yusof, M. (2021). Kajian lakuan bahasa dalam meme dan corak komunikasi generasi Z di internet (Facebook UTHM Troll). *Jurnal Melayu (JMelayu)*, 20(1), 1-18. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/16692/>
- Bach, K., & Harnish, R. M. (1979). *Linguistic communication and speech acts*. Cambridge: MIT Press.
- Cita, R. I., Mujiyanto, J., & Fitriati, S. W. (2021). The Flouting of Grice's Politeness Maxims in Podcast Directive Speech Acts of Dive Studios Channel. *The Journal of Educational Development*, 9(2), 160-171. Retrieved from <http://journal.unnes.ac.id/sju/index.php/jed>
- Darong, H. C., & Neldis, S. (2023). Investigating Illocutionary Acts in Video Podcasts and Its Pedagogical Implication in EFL Teaching. *Interdisciplinary Journal of Education Research*, 5, 48-60. doi:<https://doi.org/10.38140/ijer-2023.vol5.05>
- Dwi Shinta, Namira Fauziah Adzani, Nuraini Komalsari, Siti Rahmawati, & Nicky Rosadi. (2023). Tindak Tutur Direktif Deddy Courbuzier dalam Podcast Youtube Deddy Courbuzier dengan Judul Pelakunya Anak Kecil, Satu Tahun Direncanakan Belajar Di Sosmed! *Journal of Communication*, 3(1), 8-16. doi:<https://www.doi.org/10.37010/prop.v3i1.1141>
- Indirawati Zahid & Muhammad Nasri Selamat. (2021). Maksim Perbualan dan Elemen Pendidikan dalam Podcast #Notapis. *Issue in Language Studies*, Vo.10 (2).
- Levinson, S. C. (2017). *Speech Acts*. In Y. Huang, *The Oxford Handbook of Pragmatics* (p. 119). United Kingdom: Oxford University Press.

- Muhammad Zuhair Zainal, Hasmidar Hassan & Aznan Che Ahmad. (2024). Penerapan Teras Hati Budi Melayu dalam Pengajaran Bahasa Melayu melalui Lakuan Pertuturan Guru. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 15(1), 1–15. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.1.2024>
- Muhammad Zuhair Zainal. (2017). Lakuan Ilokusi Guru dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *GEMA Online@ Journal of Language Studies*, Vol.17(4), 191-208.
- Nurlina binti Atan & Rozita binti Che Rodi. (2025). Perbahasan Parlimen Malaysia Kali Ke-15 dari Perspektif Lakuan Pertuturan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 16(2), 13-25. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.2.2.2025>
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh. (2022). Pola dan Strategi lakuan Bahasa dalam Perbincangan Kumpulan Kecil. Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Afifah Adilla Mohd Salleh, Maslida Yusof dan Karim Harun. (2021). Kajian Lakuan Bahasa di Malaysia: Analisis terhadap Trend Data. *Jurnal Linguistik*, Vol. 25(2), 096-110.
- Saimon, A., Licson, L., Mohamad Taufek, N., Japar, S., & Razali, S. (31 May, 2021). Lakuan Bahasa Arah dalam Teks Ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 63-78. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.5.2021>
- Searle, J. R. (1969). *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. Oxford: Cambridge University Press.
- Soni, M., Dewi, S., & Alawiah, S. (2022). Seeing Maxim Violation In EFL Classroom Interaction. *English Education and Applied Linguistic (EEAL) Journal*, 5(1). <https://scispace.com/pdf/seeing-maxim-violation-in-efl-interaction-4st2rmmhxr.pdf>.
- Suteja, R. P. (2021). Interactions In Conversation Between Three People In Podcast: A Study Of Pragmatics. *Ricka Putri 2021 podcast conversation features*, 5(2), 393-403. doi:<https://doi.org/10.30743/ll.v5i2.4518>
- Yusof, M., & Harun, K. (2015). Analisis Lakuan Tutur Dalam Ruangan Status Facebook. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 151-168. http://journalarticle.ukm.my/10009/1/V31_2_10.pdf
- Zahid, I., & Selamat, M. N. (2023). Conversational maxims and educational elements in podcast #notapis [Maksim perbualan dan elemen pendidikan dalam podcast #notapis]. *Issues in Language Studies*, 10(2), 1-23.